

TEPAT & TERKINI



**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan





Tingkatan

2

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/2)**1 jam**

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.


Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B	1	30	
Jumlah		40	

6 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Meniti Impian*, karya Osman Ayob
- (ii) *Jejak MONPUS*, karya Zulaiha Paikon
- (iii) *Jalan ke Puncak*, karya Juri Durabi
- (iv) *Darah Titik di Semantan*, karya Arman Sani

Pelbagai persoalan diterapkan oleh penulis dalam sesebuah karya untuk menghidupkan jalan cerita karya tersebut.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, kemukakan **contoh peristiwa** yang sesuai dengan setiap persoalan yang telah diberikan.



[10 markah]

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Penghasilan (校刊) majalah sekolah di Malaysia sudah diamalkan sejak sekian lama, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Majalah sekolah dijadikan sumber rakaman aktiviti yang berlangsung di sekolah pada sepanjang tahun. Jika dahulunya majalah ini dalam bentuk salinan cetak, kini dengan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), tumpuannya terarah kepada media digital. Majalah sekolah mula (ditransformasikan) dalam bentuk digital melalui program Majalah Digital.

Pelbagai manfaat dapat diperoleh menerusi program Majalah Digital. Antaranya termasuklah majalah sekolah dapat dihasilkan dengan lebih kreatif dengan adanya pelbagai peristiwa yang turut merangkumi kandungan multimedia seperti video dan animasi. Di samping itu, transformasi majalah dalam bentuk digital dapat mengatasi masalah kos percetakan yang dihadapi oleh pihak sekolah. Majalah digital dapat dilayari menggunakan Internet dengan capaian pelbagai peranti mudah alih dan komputer pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Inisiatif penghasilan majalah digital turut mengurangkan penggunaan kertas dan lebih (mesra alam). Program ini sejajar dengan objektif pelaksanaan inisiatif Komuniti Pintar Kemaman yang diperkenalkan sejak awal tahun 2015. Antaranya termasuklah untuk meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi komuniti setempat, membangunkan kandungan media tempatan melalui platform TMK, dan merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dengan luar bandar. Tambahan lagi, reka bentuk grafik yang menarik dalam majalah digital dapat mempengaruhi minat membaca murid.

(Kaedah) pelaksanaan program ini menguji kebolehan guru dan murid untuk membina kandungan kreatif yang dapat dibaca menggunakan peranti mudah alih moden. Program ini bukan sahaja mampu mengubah dan memperkaya nilai maklumat tentang sesebuah sekolah, bahkan menyatukan komuniti sekolah untuk bersama-sama menjayakan pembangunan kandungan digital sekolah menerusi perkhidmatan (jalur lebar).